

Kembara Teknopen BTPN - PKG Kinta Utara

Contributed by Azmir Salleh
Friday, 16 July 2010
Last Updated Friday, 16 July 2010

Kembara Teknopen BTPN PKG Kinta Utara telah berlangsung pada 15 Julai 2010. Rombongan ini telah memberi Khidmat Bantu dari segi bahan dan teknikal kepada sekolah yang terpilih iaitu SJKT Kg Simee. Pihak BTPN telah menyumbang sejumlah buku untuk dijadikan koleksi Pusat Sumber dan pihak sekolah juga diberikan satu AP Wireless Router bagi memudahkan warga sekolah untuk mengakses maklumat. Untuk tujuan itu Tuan KPP BTPN Perak Tn. Hj Razali Bakar telah menyerahkan secara rasminya kepada Guru Besar SJKT Kg Simee, R. P. Jayagopallan. Pada masa yang sama juga Tuan KPP telah menyerahkan Portal Rasmi SJKT Kg Simee untuk diguna dan ditadbir oleh pihak sekolah.

Di sebelah petang, rombongan ini telah melawat PKG Tasek. Di hadiri oleh Tn. KPP, En. Zainori Abd Raman, En. Rosli Sarip, Pn Saripah Ismail, En. Zamhuri Tasir, En. Mohd Nor Beg dan beberapa kakitangan BTPN Perak. Rombongan disambut dengan Pelaporan Aktiviti Daerah 1/2 tahun dan seterusnya Tuan KPP melancarkan secara rasminya Portal Rasmi Sekolah Daerah Kinta Utara . Untuk melihat sekitar peristiwa sila klik .